

HUBUNG KAIT UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH DENGAN *MAQADIS SYARIAH* DAN KEPENTINGANNYA DALAM ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

AZIZAH MOHD RAPINI

azizah@kuis.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Prinsip-prinsip asas undang-undang keterangan Islam telah diperuntukkan dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia dalam bentuk statut sama ada atas nama akta, enakmen dan ordinan. Undang-undang tersebut memberikan garis panduan penerimaan segala bentuk keterangan dan bukti di mahkamah syariah kepada pegawai-pegawai mahkamah syariah yang terdiri dari hakim syarie, pendakwa syarie dan peguam syarie. Undang-undang keterangan mahkamah syariah juga merupakan rujukan utama hakim-hakim syarie selain dari undang-undang tatacara (mal atau jenayah), undang-undang substantif seperti undang-undang jenayah syariah atau undang-undang keluarga Islam, undang-undang pentadbiran agama Islam, Arahan-arahan Amalan Mahkamah Syariah dan hukum syarak. Malah, penyediaan alasan penghakiman sesuatu kes, hakim dikehendaki mengemukakan rujukan-rujukan tersebut sebagai bukti pelaksanaan tanggungjawab memutuskan kes secara adil. Rujukan terhadap hukum syarak pula bukan sahaja rujukan terhadap dalil-dalil al-Quran atau hadis, tetapi juga prinsip-prinsip hukum syarak yang terdiri dari kaedah fiqh dan *maqasid syariah* berserta pandangan-pandangan ulama fiqh melalui kitab-kitab fiqh muktabar. Walau bagaimanapun kajian awal mendapati tidak semua alasan penghakiman mahkamah syariah menjelaskan secara terperinci dalam alasan penghakiman mereka berkaitan elemen-elemen keterangan dan *maqasid syariah* walau pun kebanyakan mereka memperakui *maqasid syariah* merupakan salah satu asas penghakiman walaupun tidak diperincikan secara langsung dalam alasan penghakiman mereka. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan data perpustakaan, dokumen dan temubual bagi membincangkan sejauh mana alasan penghakiman mahkamah syariah telah memperincikan elemen-elemen pembuktian dan keterangan serta hubung kaitnya dengan *maqasid syariah* kerana elemen-elemen tersebut adalah penting bagi membuktikan bahawa pentadbiran keadilan di Malaysia telah dilaksanakan secara serius menepati prinsip-prinsip sistem kehakiman Islam.

Kata kunci: undang-undang keterangan, mahkamah syariah, *maqasid syariah*, alasan penghakiman

1. Pengenalan

Urusan pelaksanaan sistem perundangan dan kehakiman Islam agar menepati tujuan dan matlamat syarak hendaklah diasaskan di atas garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Secara umumnya, seperti juga dalam sistem muamalat, prinsip syariat yang terkandung dalam sistem kehakiman Islam adalah bertujuan untuk kebahagiaan manusia dunia dan akhirat, menjaga masalah, menolak kerosakan, menghilangkan kemudaratan serta menjaga hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan manusia yang lain.

Undang-undang bertulis atau statut dan hukum syarak melalui kitab-kitab fiqh merupakan rujukan utama dalam sesuatu penghakiman, di samping mengambil kira aspek *maqasid syariah* dan ia merupakan salah satu syarat untuk menjadi seorang hakim. Kemahiran mengaplikasi dalil-dalil syarak berserta prinsip-prinsip fiqh merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan dalam penghakiman supaya kredibilitinya tidak dipertikaikan. Ini kerana hukum fiqh

lahir dari proses *istinbāt* melalui dalil-dalil syarak sama ada yang disepakati seperti al-Quran, hadis, *ijmā'* dan *qiyās* mahupun yang tidak disepakati seperti *istihsān*, *istiṣhāb*, *maṣāliḥ al-mursalah* dan *'urf*. Oleh yang demikian, boleh dikatakan seseorang hakim yang adil ialah seorang hakim yang bukan sahaja memahami ruh atau objektif syarak tetapi juga memutuskan sesuatu perkara berasaskan wahyu yang dapat dikenal pasti melalui dalil-dalil syarak tersebut, bukan berdasarkan dalil akal semata-mata.

Oleh kerana undang-undang keterangan merupakan salah satu elemen penting dalam sistem kehakiman Islam maka kajian ini akan melihat hubung kaitnya dengan *maqasid syariah* dan sejauh mana hakim mahkamah syariah memberikan perhatian terhadap aspek tersebut dalam alasan penghakiman mereka sebagai bukti terhadap keadilan sistem pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

2. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta temubual ringkas bersama beberapa orang hakim mahkamah syariah di Malaysia dari negeri-negeri yang terpilih untuk mengenal pasti pendekatan mahkamah syariah menyediakan alasan penghakiman.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui teks naskhah, dokumen-dokumen berkaitan berserta hasil temubual semi struktur dan berstruktur.

3. Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia Selari Dengan Maqasid Syariah

Undang-undang keterangan mahkamah syariah merupakan salah satu cabang perundangan Islam di Malaysia yang membantu sistem kehakiman syariah mentadbir undang-undang Islam secara adil di samping undang-undang prosedural yang lain (undang-undang tatacara mal dan tatacara jenayah syariah). Bermula tahun 1989, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kedah menjadi enakmen pertama bagi undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia setelah sekian lama ia 'menumpang' melalui satu seksyen sahaja dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri-negeri. Sekitar tahun 2006, seluruh negeri di Malaysia telah mempunyai undang-undang keterangan mahkamah syariahnya sendiri di samping setelah melalui proses penyeragaman (melainkan negeri Kedah melalui pindaan terkini pada tahun 2014) bertujuan untuk penyelarasan sistem undang-undang Islam antara negeri-negeri di Malaysia.

3.1 Latar Belakang Ringkas Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia

Penggubalan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah merupakan usaha besar melibatkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil. Dalam usaha tersebut Akta Keterangan (AK) 1950 telah dijadikan asas penggubalan (Mahmud Saedon, 1995). Mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan hukum syarak dibuang dan mana yang sesuai atau tidak bertentangan dengan hukum syarak diterima atas asas sesuatu yang tidak bertentangan dengan hukum syarak adalah diterima syarak. Mana-mana peruntukan yang memerlukan pengubahsuaian akan diubahsuai supaya menepati kehendak hukum syarak. Penulis juga menegaskan perujukan kepada *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah*, Qanun-E-Shahadat Pakistan 1984 dan The Islamic Law of Evidence of Pakistan (Draf Ordinance 1982) dijadikan asas kepada penggubalan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia di samping kitab-kitab fiqh utama seperti *Mughnī al-Muhtāj* dari mazhab Syafie dan pandangan Ibn Qayyim dalam *Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Walau bagaimanapun, penggubalan undang-undang tersebut tidak terikat secara ketat dengan pendapat mazhab yang tertentu kerana dasar penggubalannya ialah memilih pendapat ulama, yang lebih sesuai dengan keadaan, masa dan persekitaran tempat termasuk bahagian dalam statut tersebut yang membezakan *bayyinah* dengan *syahadah* berdasarkan pandangan Ibn Qayyim.

Undang-undang keterangan mahkamah syariah negeri-negeri memperlihatkan kewujudan peruntukan yang hampir sama di setiap negeri bagi memastikan setiap peruntukannya tidak bertentangan dengan hukum syarak dan jika bertentangan akan terbatal. Jika terdapat apa-apa yang tidak diperuntukkan atau sebarang ketidakjelasan maka hukum syarak akan dirujuk. Hukum syarak yang dimaksudkan dalam statut keterangan Mahkamah Syariah adalah luas, tidak terikat kepada sesuatu mazhab tertentu sahaja seperti mazhab al-Shāfi‘ī, walaupun keseluruhan umat Islam di Malaysia berpegang kepada mazhab al-Shāfi‘ī. Malah, termasuk juga pendapat mana-mana mazhab yang sah, seperti yang didefinisikan di bahagian tafsiran hampir di semua statut keterangan Syariah negeri-negeri (Mahmud Saedon, 1996). Zulkifli Hasan (2008) turut merumuskan bahawa undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia telah melalui proses evolusi, pengaruh undang-undang Islam dari negara luar seperti Turki dan Mesir, penyesuaian dengan adat istiadat dan budaya setempat di samping proses integrasi dengan undang-undang keterangan sivil (AK 1950).

Secara umumnya, undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia melalui akta, ordinan dan enakmen negeri-negeri telah memperuntukkan sembilan aspek utama keterangan iaitu:

- i. Pemakaian dan tafsiran
- ii. *Qarinah* dan fakta
- iii. *Iqrar*
- iv. Keterangan lisan / secara langsung
- v. Keterangan dokumentar
- vi. Beban pembuktian
- vii. *Bayyinah* dan *syahadah*
- viii. Pemeriksaan saksi
- ix. Testimoni Saksi

Di akhir peruntukan undang-undang di atas telah diperuntukkan tentang rujukan terhadap hukum syarak sekiranya wujud lakunan serta pembatalan mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Walau pun wujud persamaan sesetengah peruntukan undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia dengan Akta Keterangan 1950 yang terpakai di mahkamah sivil, beberapa aspek berkaitan prinsip undang-undang keterangan Islam telah diambil perhatian sepenuhnya dengan mengambil kira pandangan-pandangan mazhab fiqh yang bersesuaian dengan situasi di Malaysia. Sebagai contoh penggunaan konsep *bayyinah* yang merujuk pandangan Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dari mazhab Hambali telah memberi ruang penerimaan keterangan saksi-saksi yang tidak memenuhi syarat *syahadah* seperti keterangan pakar bukan Islam, keterangan kanak-kanak, keterangan ibubapa bagi anak atau keterangan suami bagi isterinya.

3.2 **Hubung Kait Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Dengan Maqasid Syariah**

Setiap penciptaan Allah SWT ada hikmah dan tujuannya dan adalah mustahil bagiNya menjadikan sesuatu perkara tanpa arah tuju dan matlamatnya. Hikmah dan tujuan inilah yang dimaksudkan sebagai *maqasid syariah* atau objektif syarak (Mahmood Zuhdi, 2012). Secara umumnya *maqasid syariah* atau objektif Syariah boleh ditafsirkan sebagai menarik kebaikan (*jalb al-maṣālih*) dan menolak merosakan (*dar'u al-mafṣadah*) (Ibnu 'Asyur, 2009). Masalah pula menurut Imam al-Ghazali boleh diibaratkan sebagai menarik manfaat (*jalb al-manfa'ah*) dan menahan kemudaratan (*daf'u mudarrāh*). Kedua-dua konteks *masalahah* ini merupakan matlamat syarak yang secara umumnya bertujuan memelihara lima perkara asas kehidupan meliputi agama, nyawa, akal, harta dan keturunan (al-Ghazali, 1993).

Ibn Qayyim dalam menjelaskan tentang objektif syarak (*maqasid syariah*) menegaskan bahawa syariat terbina atas asas kebijaksanaan dan perjuangan untuk kepentingan manusia dan akhirat. Syariah secara umumnya bertujuan untuk memberi keadilan, rahmat dan kebijaksanaan. Oleh yang demikian, segala peraturan atau undang-undang yang menyimpang dari tujuan umum tersebut adalah bertentangan dengan syariat (Ibnu Qayyim, 2006).

Mengetahui *maqasid syariah* adalah sangat penting untuk memahami nas-nas syarak dengan cara yang sebenar. Begitu juga bagi tujuan mengeluarkan hukum melalui dalil-dalil yang muktabar dengan cara betul. Seseorang mujtahid bukan hanya perlu memiliki kemahiran melihat makna literal di sebalik dalil-dalil syarak, tetapi juga perlu mengetahui rahsia-rahsia di sebalik pensyariatan serta tujuan umum atau *maqasid syariah* dari hukum-hukum syarak supaya boleh memahami nas dan mentafsirkannya dengan cara yang selamat di samping dapat mengeluarkan hukum yang selari dengan matlamat syarak ('Abdul Karim Zaydan, 1976).

Hubung kait undang-undang keterangan dengan *maqasid syariah* boleh dilihat dari aspek matlamat keadilan yang menjadi asas kepada undang-undang tersebut. Konsep keadilan atau *qist* sentiasa berkait rapat dengan *maqasid syariah* dan masalah dalam konteks hak dan disebut di dalam al-Quran acapkali. '*Adl* boleh diertikan sebagai meletakkan sesuatu di tempat yang wajar atau sesuai sebagai objektif asas bagi mewujudkan keseimbangan di antara hak dan kewajiban supaya kemudaratan atau kezaliman dapat dihindarkan (Mohammad Hashim Kamali, 2009). Konsep keadilan dalam Islam bukan sahaja terhad dalam sistem kehakiman sahaja tetapi meliputi semua aspek kehidupan termasuklah keadilan individu, sosial mahupun dalam konteks hubungan antarabangsa (Mohamad Akram, 2011) sejajar dengan firmah Allah SWT yang bermaksud

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan Kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandung kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. (Al-Hadid 57:25)

Ibn Qudāmah (1994) menegaskan bahawa perbicaraan oleh seorang hakim merupakan satu cara untuk menegakkan perkara makruf dan menentang kemungkaran, membantu pihak yang dizalimi, menakutkan pihak yang zalim dari terus melakukan kezaliman, mengembalikan hak kepada yang berhak, mendamaikan pertikaian sesama manusia dan menghukum dengan kebenaran kerana Allah SWT sangat mengasihi mereka yang membicarakan sesuatu kes secara adil. Dan salah satu cara untuk mencapai keadilan dalam sistem kehakiman Islam adalah melalui aplikasi undang-undang keterangan yang betul serta sesuai. Ada kes yang boleh diputuskan cukup sekadar melalui iqrar seperti kes jenayah syariah melalui pengakuan bersalah atau kes pengesahan lafaz talak apabila suami mengaku melafazkan talak. Ada kes yang memerlukan kesaksian seperti kes-kes munakahat/kekeluargaan dan ada juga kes yang memerlukan keterangan sokongan seperti keterangan dokumen dan qarinah terutama dalam kes-kes kehartaan seperti kes tuntutan pengesahan hibah, wasiat dan harta sepencarian.

Oleh yang demikian, untuk merealisasikan hikmah dan tujuan di atas, seseorang hakim mestilah menghukum dengan adil melalui kesungguhan, keazaman dan tekad untuk menjalankan hukuman dengan adil secara berkesan dan hendaklah mendengar dakwaan-dakwaan dari mula ia dikemukakan sehinggalah keputusan dikeluarkan berlandaskan kaedah-kaedah pendakwaan serta cara-cara pembuktian yang selari dengan hukum syarak ('Abdul Karim Zaydan, 1983). Keadilan dalam kehakiman adalah keadilan secara zahir yang dengan sebab itu seseorang saksi diikat dengan syarat-syarat yang ketat supaya secara zahirnya hakim telah melaksanakan keadilan dalam kehakiman. Prinsip ini selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (Al-Nisa 4:58)

Satu prinsip penting yang dijelaskan oleh ulama tafsir dari ayat di atas iaitu menghukum atau memutuskan sesuatu dengan adil merupakan salah satu prinsip utama hukum syarak(al-Sabuni, 1996). Justeru, menegakkan keadilan merupakan satu kewajipan dalam kehidupan bermasyarakat bagi mengelakkan daripada sebarang bentuk penindasan di samping mewujudkan keamanan serta kestabilan(al-Sayis, 1998).

Al-Shawkani (1995) menjelaskan ayat di atas sebagai ‘ibu’ kepada hukum-hukum syarak atau dengan perkataan lain ia merupakan satu prinsip utama hukum syarak dalam konteks tanggungjawab dan amanah. Ayat tersebut secara umumnya memberikan garis panduan kepada pemerintah dan hakim menunaikan tanggungjawab dengan penuh amanah, tidak bersikap zalim dan sentiasa bersikap adil dalam memutuskan sesuatu perkara. Manakala dalam konteks individu, ayat di atas menyeru manusia untuk sentiasa bersikap amanah dan bebas dari sebarang tohmah semasa menyampaikan kesaksian atau memberikan keterangan. Istilah *al-‘adl* dalam ayat tersebut memberikan maksud memutuskan sesuatu perkara, terutamanya dalam penghakiman dengan berdasarkan al-Quran dan Sunnah, bukan dengan akal semata-mata melainkan tidak dijelaskan secara terperinci dari kedua-dua nas tersebut. Penggunaan akal atau ijtihad dalam kalangan hakim adalah dibenarkan dengan syarat dia mengetahui hikmah atau tujuan pensyariatan asalkan dengan cara yang betul untuk mendapatkan kebenaran tatkala ketiadaan nas yang terang dalam al-Quran mahupun hadis. Seseorang hakim yang tidak mengetahui hukum syarak melalui al-Quran dan hadis serta tidak memahami hikmah mensyariatkan, tidak akan dapat merealisasikan prinsip keadilan dalam penghakimannya disebabkan kelemahannya mengemukakan hujah berdasarkan sumber yang sebenar. Firman Allah SWT, bermaksud:

Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya Engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah Engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.

(Al-Nisa 4 : 105)

Ibn Qayyim (2002) dalam kitabnya *Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah* dalam menjelaskan di antara pra-syarat menjadi seorang hakim, selain dari mempunyai pengetahuan mendalam tentang fiqh, kaedah-kaedah pembuktian dan ilmu berkaitan masyarakat atau sosiologi, dia juga perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hikmah-hikmah syariah atau objektif Syariah atau dikenali sebagai *maqasid syariah* yang secara umumnya adalah untuk mencapai masalah hidup di dunia dan di akhirat dan untuk mencapai keadilan. Dalam kitabnya yang lain (2006), *I’lām al-Muwaqqi‘īn*, beliau juga menegaskan bahawa hakim yang adil bukan setakat menghukum berdasarkan hukum syarak tetapi juga menghukum dengan mengambil kira objektif Syariah atau pun *maqasid syariah*.

Bagi tujuan merealisasikan *maqasid syariah* dan keadilan kehakiman termasuk dalam proses menerima keterangan saksi, seseorang hakim perlu menjelaskan alasan penghakimannya semasa memutuskan kes dan hendaklah seboleh mungkin memastikan tiada kemudaratan yang akan timbul dalam mengaplikasikan hukum syarak (Ibnu ‘Asyur, 2009). Oleh yang demikian, prinsip menjaga masalah dan menolak kemudaratan merupakan asas rujukan dalam penghakiman dan segala proses yang terlibat dalam prosiding di mahkamah bermula dengan proses pra perbicaraan, perbicaraan, proses mengambil keterangan saksi hingga ke proses memutuskan kes. Prinsip ini selari dengan hadis daripada Umi Salamah: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Kamu telah bertikai di hadapanku, mungkin ada di antara kamu yang lebih petah berhujah dari yang lain lalu aku menghukum berdasarkan apa yang aku dengar

daripadanya. Sesiapa yang telah aku hukumkan baginya hak saudaranya darinya, kerana aku telah memotong baginya sekeping api neraka. (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis di atas telah memberikan satu prinsip utama dalam sistem penghakiman bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan serta mengenal pasti hak dan kebenaran adalah melalui keterangan-keterangan pihak-pihak yang bertikai. Justeru, salah satu kepentingan keterangan dan kesaksian ialah untuk mengenal pasti pihak mana yang benar dan untuk mencegah berlakunya kezaliman disebabkan terpengaruh dengan kepetahan salah satu pihak berhujah (Mahmud Saedon,1991). Prinsip ini diperkukuhkan lagi dengan hadis daripada Ibn Abbas: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Jika manusia diberikan segala dakwaannya, nescaya mereka akan mendakwa darah dan harta orang lain, tetapi sumpah atas pihak yang didakwa.(Hadis Riwayat Muslim)

Selain dari menjadikan *maqasid syariah* sebagai dasar penghakiman, seseorang hakim juga perlu menjelaskan sumber mazhab yang digunakan dalam penghakimannya bagi menyerlahkan lagi keadilan dalam penghakiman dengan mengembalikan hak kepada pihak yang benar-benar berhak (Ibnu ‘Asyur, 2009).

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa keadilan yang menjadi tujuan utama sistem kehakiman Islam merupakan salah satu objektif Syariah yang utama dalam perbahasan ilmu *maqasid syariah*. Manakala bagi seseorang hakim atau sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dalam proses penghakiman atau prosiding di mahkamah hendaklah memberikan perhatian kepada aspek *maqasid syariah* sebagai dasar tanggungjawab ke arah mewujudkan institusi kehakiman yang lebih berkualiti melalui aplikasi prinsip-prinsip keterangan Islam yang sesuai dengan fakta kes dan ‘uruf semasa. Salah satu cara bagi institusi kehakiman itu ditadbir dengan adil selari dengan *maqasid syariah*, seseorang hakim perlu memahami dan mengenal pasti kaedah pembuktian yang boleh membantu hakim mencapai objektif tersebut.

Kaedah-kaedah pembuktian yang diperuntukkan dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah seperti *iqrar*, *syahadah*, *qarinah* dan keterangan dokumen berserta prinsip-prinsip pembuktiannya (beban dan tahap pembuktian) adalah selari dengan kaedah serta prinsip-prinsip keterangan Islam menurut hukum syarak sama ada disebut secara langsung atau tidak langsung dalam dalil-dalil syarak bagi membantu mahkamah mengendalikan serta memutuskan secara adil dan saksama.

3.3 Pendekatan Hakim Dalam Alasan Penghakiman

Arahan Amalan Mahkamah Syariah No.6 Tahun 2001 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menjelaskan tentang keperluan pihak mahkamah menyediakan alasan penghakiman tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya. Arahan tersebut turut menjelaskan kandungan alasan penghakiman yang perlu memenuhi elemen-elemen berikut:

- i. Isu yang dibangkitkan
- ii. Pemakaian undang-undang

- iii. Rujukan hukum syarak
- iv. Pentafsiran dan ulasan hujah-hujah pihak-pihak dalam kes
- v. Autoriti kes yang dirujuk.

Kajian penulis sendiri melihat gaya penulisan alasan penghakiman kes-kes syariah dalam Jurnal Hukum telah mula menampakkan perubahan dengan perhatian hakim terhadap aspek-aspek di atas terutama kes-kes selepas tahun 2001 berbanding tahun-tahun sebelumnya yang lebih ringkas. Aspek-aspek yang dijelaskan dalam arahan amalan di atas kelihatan selari dengan pandangan ‘Abdul Karim Zaydan dalam kitabnya *Nizam al-Qada*’ (1983) yang menjelaskan kepentingan catatan penghakiman yang menjadikan syariat atau hukum syarak sebagai rujukan utama di samping mengemukakan pandangan-pandang rajih dari ulama.

Ahmad Hidayat (2008) telah merumuskan bahawa sesuatu penghakiman yang mantap adalah yang mengandungi elemen-elemen berikut:

- i. Ringkasan isu dalam kes dan peruntukan undang-undang yang digunakan
- ii. Ringkasan hukuman
- iii. Penerangan fakta
- iv. Penerangan mengenai isu kes
- v. Pembuktian
- vi. Keputusan/hukuman berserta alasan-alasan penghakiman yang mempunyai rujukan dalil-dalil syarak (al-Quran dan Sunnah), penggunaan bahasa yang sesuai, prinsip usul fiqh, pandangan ulama berserta pandangan yang rajih.

Berdasarkan teori akademik dan prinsip amalan mahkamah syariah di atas, penulis berpandangan maksud rujukan terhadap hukum syarak bukan hanya terbatas kepada al-Quran, Sunnah, pandangan-pandangan ulama sama ada ulama fiqh, ulama tafsir, ulama hadis mahu pun ulama bahasa dan prinsip-prinsip usul fiqh, tetapi juga termasuk *maqasid syariah*. Ini kerana prinsip keadilan sangat berkait rapat dengan *maqasid syariah*. Oleh yang demikian, selain dari elemen-elemen alasan penghakiman yang disebutkan sebelum ini, hakim juga perlu menjadikan *maqasid syariah* sebagai salah satu asas penghakiman.

Berdasarkan kajian penulis melalui temubual bersama beberapa orang wakil Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) negeri-negeri, sumber-sumber rujukan mahkamah dalam proses penghakiman mereka boleh disusun mengikut keutamaan berikut:

- i. Statut sama ada akta, enakmen atau ordinan keterangan Mahkamah Syariah yang dikodifikasikan berasaskan hukum syarak dan kitab fiqh.
- ii. Arahan-arahan amalan Mahkamah Syariah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
- iii. Al-Quran dan al-Sunnah.
- iv. Kitab-kitab fiqh muktabar.
- v. Laporan kes Mahkamah Syariah seperti Jurnal Hukum.

Walau apa pun teknik atau pendekatan hakim semasa mengulas aspek keterangan dalam penghakiman mereka, *maqasid syariah* tetap menjadi asas atau rujukan secara tidak langsung. Penerimaan mahkamah terhadap konsep *syahadah*, *bayyinah*, keterangan dokumen, pemilihan pendapat ulama yang bersesuaian adalah tidak lain dan tidak bukan untuk memenuhi tuntutan

keadilan sebagai komponen utama *maqasid syariah*. Temu bual bersama hakim syarie membuktikan perhatian mereka kepada aspek *maqasid syariah* dan matlamat keadilan, walaupun tidak disebut secara langsung dalam alasan penghakiman. Salah satu sebab hakim tidak menyatakan secara langsung berkaitan prinsip keadilan serta *maqasid syariah* termasuk ulasanantang keterangan saksi ialah atas kekangan masa dalam penyediaan alasan penghakiman yang lebih terperinci (Temubual, 20 November 2015). Tambahan pula maklumbalas kebanyakan hakim terhadap keseluruhan soalan temu bual pengkaji menggambarkan sikap toleransi mereka dalam menerima keterangan saksi tanpa syarat melalui penerimaan konsep *bayyinah* sekiranya keterangan saksi tidak memenuhi syarat dan prinsip keseluruhan *syahadah*.

Jadual di bawah menunjukkan pendekatan hakim dalam mengaplikasi prinsip-prinsip *maqasid syariah* dalam alasan penghakiman.

TEMUBUAL	JKSM NEGERI
<i>Tajuk umum tapi kita pergi 'detail' dalam bab membuktikan ...bila kita pergi pada satu isu yang banyak pendapat ulama 'so' dalam satu keadaan kita akan ambil pendapat ini dan dalam keadaan lain pendapat lain...yang penting keadilan.</i>	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Muar dalam temu bual beliau bersama penulis pada 20 Oktober 2015.
<i>Memang kita seboleh-bolehnya nak macam tu (maqāṣid al-sharī'ah)...seboleh-bolehnya itu yang kita nak....mesti 'concern' sebab tu kita terima apa sahaja keterangan</i>	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dalam temu bual beliau bersama penulis pada 6 November 2015.
<i>Maqāṣid al-sharī'ah yang lima perkara mesti 'dijaga' tapi tak pergi 'direct ke situ</i>	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dalam temu bual beliau bersama penulis pada 23 Oktober 2015.
<i>Maqasid syariah sudah tentu sebab kita buat kerja pun atas dasar maqasid syariah...contoh dalam kes fasakh dan takliq..maqasid syariah untuk beri keadilan</i>	Ketua Hakim JKSM Perak dalam temu bual beliau bersama penulis pada 29 Disember 2015.

Sumber : Temubual Wakil-wakil JKSM Negeri

Berdasarkan temubual di atas, *maqasid syariah* memang menjadi asas kepada penyediaan alasan penghakiman sama ada ia disebut secara langsung atau tidak. Penerimaan hakim terhadap keterangan pihak-pihak, sama ada dalam bentuk *iqrar*, keterangan saksi, dokumen atau *qarinah* adalah berasaskan *maqasid syariah* dalam mengeluarkan keputusan terbaik untuk pihak-pihak. Ketidakterimaan hakim terhadap sesuatu keterangan disebabkan kelemahan keterangan itu sendiri (seperti keterangan dengar cakap) pun berasaskan prinsip *maqasid syariah* bagi memastikan keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak merupakan keterangan yang betul-betul kukuh. Ini kerana hanya melalui keterangan dan pembuktian yang kukuh sahaja boleh membantu hakim memutuskan secara adil.

4. Rumusan dan Cadangan

Undang-undang keterangan Islam mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan prinsip-prinsip *maqasid syariah*. Ini kerana sesuatu kes hanya akan diputuskan selepas mahkamah berpuas hati dengan hujah dan keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak. Dan keterangan yang diterima oleh mahkamah pula hanyalah keterangan yang mengikut pertimbangan hakim telah mencapai tahap pembuktian yang tinggi dan memuaskan. Untuk mencapai tahap pembuktian yang memuaskan pihak hakim adalah melalui keterangan-keterangan yang kukuh sama ada melalui *iqrar*, keterangan saksi, keterangan dokumen, *qarinah* atau bentuk-bentuk keterangan lain yang kuat, termasuk keterangan dari pendapat pakar. Ketegasan hakim dalam menerima sebarang bentuk keterangan dalah tidak lain dan tidak bukan untuk memastikan keadilan dapat dicapai kerana keadilan merupakan salah satu matlamat syarak atau *maqasid syariah*. Justeru, keadilan, *maqasid syariah* dan undang-undang keterangan sangat berkait rapat di antara satu sama lain dalam sistem kehakiman Islam.

Oleh yang demikian, pada pandangan penulis, dengan terbuktinya wujud hubungan antara *maqasid syariah* dengan undang-undang keterangan Islam, pihak mahkamah disarankan untuk mempopularkan aspek *maqasid syariah* sebagai salah satu item utama yang perlu diulas dalam alasan penghakiman. Oleh kerana penghakiman mahkamah akan dirujuk oleh pihak-pihak yang berkepentingan terutama dalam penyelidikan atau penulisan akademik, sesuatu alasan penghakiman seharusnya memenuhi kesemua elemen sebagai sebuah penghakiman yang kemprehensif bagi memberi ruang potensi kajian ilmiah di samping menjadi lambang keadilan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

5. Rujukan

- ‘Abd al-Karīm Zaydān. (1976). *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Baghdad: Maktabah al-Qudus.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān.(1983) *Nizām al-Qadā’ fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Baghdad: Matb’ah al-Ma’ani.
- Ahmad Hidayat Buang.(2008). Penulisan Teks Penghakiman Dalam Perundangan Islam, dalam Ruzman Md. Noor.ed , *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Ghazālī, Abī Hāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, vol. 1. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Shāṭibī, Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Lakhmī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Aḥkām*. (1981). vol. 1. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Shawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad. (1995). *Fath al-Qādir*, vol. 1. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah.
- Ibn ‘Āshūr. (2009). *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abī Bakr Shams al-Dīn (2002) *Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.

- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abī Bakr Shams al-Dīn. (2002) *I’lām al-Muwaqqi ‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abī Bakr Shams al-Dīn .(2006) *I’lām al-Muwaqqi ‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. vol. 1. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Qudāmah .(1994). *al-Mughnī*, vol. 11. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Muḥammad ‘Alī al-Ṣabunī. (1996) *Mukhtaṣṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, vol. 1. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Muḥammad ‘Alī al-Sāyis.(1998). *Tafsīr Āyah al-Aḥkām*, vol. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah..
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (1997). *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid.(2012). “Maqasid al-Shari’ah: Satu Pengenalan,” dalam *Maqasid al-Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzie Abdul Aziz. Selangor: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mahmud Saedon Awang Othman, “Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Analisis,” *Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995), 67-98.
- Mahmud Saedon Awang Othman. “Bayyinah in Islamic Law,” *IJUM Law Journal*, vol. 2, no. 1 (1992), 18-31.
- Mahmud Saedon Awang Othman.(1995). *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohamad Akram Laldin. (2011). *Shariah & Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd.
- Mohammad Hashim Kamali. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn Bhd.
- Temubual Bersama wakil-wakil JKSM Negeri-negeri.
- Zulkifli Hassan, “Sejarah Undang-Undang Keterangan,” <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/sejarah-undang-undang-keterangan>, dicapai pada 13 Januari 2021.